

Malaysia, Korea Selatan perkukuh hubungan pelaburan, perdagangan

Kerjasama pelbagai bidang dipertingkat ke tahap strategik, lebih menyeluruh

Daripada Syarifah Dayana Syed Bakri

dayana@mediaprima.com.my

di Korea Selatan



Hubungan Malaysia dan Korea Selatan terus diperkukuh ke tahap strategik dan menyeluruh, termasuk pelaburan dan perdagangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan pendirian berkenaan ketika mesyuarat dua hala bersama Presiden Korea Selatan, Yoon Suk Yeol di Pejabat Presiden di Yongsan, di sini, semalam.

Mesyuarat berkenaan yang berlangsung selama kira-kira sejam turut disertai Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan, dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Aziz; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Chang Lih Kang dan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Perdana Menteri dalam ucapan ringkas sebelum mesyuarat itu berlangsung berkata, operasi syarikat dari Korea Selatan bukanlah asing di Malaysia.

“Saya dari Pulau Pinang dan Jambatan Pulau Pinang dibina oleh syarikat Korea Selatan.

“Selain itu, Menara Berkembar PETRONAS dan Menara Merdeka 118 juga membabitkan perusahaan dari Korea Selatan men-



Anwar bersama Suk Yeol (tiga dari kiri) ketika mengadakan mesyuarat dua hala di Seoul, semalam.

(Foto BERNAMA)

jadikan syarikat pembinaan dari republik ini sangat dekat dengan Malaysia,” katanya.

Mesyuarat dua hala itu antara lain membincangkan kerjasama dua hala dalam bidang ekonomi seperti perdagangan dan pelaburan; pertahanan dan keselamatan; infrastruktur; peralihan tenaga dan alam sekitar; pertanian dan makanan; hubungan sesama rakyat termasuk pendidikan, pertukaran kebudayaan dan sektor pelancongan dan isu serantau serta antarabangsa.

Selepas mesyuarat dua hala

berkenaan, Anwar dan Suk Yeol menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) yang membabitkan tiga bidang iaitu Kerjasama dalam Pendekatan Kerjasama di bawah Artikel 6, Perenggan 2 Perjanjian Paris; Kerjasama dalam Sektor Pemangkapan dan Penyimpanan Karbon dan Kerjasama dalam Sektor Pendidikan Tinggi.

Anwar dalam lawatan selama tiga hari ke Korea Selatan.

Ini lawatan rasmi pertama Perdana Menteri ke republik ini sejak menyanggah jawatan pada

November 2022.

Kedua-dua negara akan menyambut ulang tahun ke-65 penubuhan hubungan diplomatik pada 2025.

Pencapaian penting

Dalam kenyataan bersama, Malaysia dan Korea Selatan yang meningkatkan hubungan dua hala kepada perkongsian strategik, menandakan satu pencapaian penting dalam kerjasama kedua-dua negara selama beberapa dekad.

Anwar dan Suk Yeol mengesah-

kan komitmen mereka untuk meningkatkan kerjasama dalam empat bidang utama: keamanan dan keselamatan, pembangunan ekonomi, budaya dan pendidikan, serta kerjasama serantau dan global.

“Perkongsian strategik ini menandakan keazaman bersama Malaysia dan Korea Selatan untuk memperluas kerjasama ke horizon baharu dalam menggalakkan kebebasan, keamanan dan kemakmuran sambil menangani cabaran global yang men-desak,” menurut kenyataan itu.